

09 SEP 2000

Mahathir-IAP (Dengan gambar)/I

DR MAHATHIR MENEMUI DENGAN ANGGOTA IAP

PUTRAJAYA, 9 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan perbincangan dengan sembilan anggota dan wakil Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau menemui lapan anggota dan wakil IAP semalam.

Mereka yang menemui Dr Mahathir hari ini ialah Presiden British Telecoms, Ignite Richard Slogrove; Naib Presiden Lucent Technologies Ben Verwaayen; Pengarah Institute of Computer Science and Technology, Peking University, Prof Wang Xuan; Presiden Nokia Networks, Mikko Heikonen.

Ketua Penyelidik dan pengarah Pejabat Sains Sun Microsystems Dr John Gage; Pengarah Urusan Reuters bagi Asia Pasifik, Jan Coos Geesink; Penasihat Kanan, Pusat Kajian Perhubungan Antarabangsa bagi Kajian Strategik dan Antarabangsa, Duta Diana Lady Dougan; Naib Presiden EDS Corp (Asia Pasifik), Vincent H. Madsen; dan Presiden, Informations and Communications Networks Group, Siemens AG, Dr Roland Koch.

Pertemuan itu berlangsung hampir lima jam.

Mereka membincangkan pelbagai isu berkaitan arah haluan masa depan MSC dan syarikat-syarikatnya terutama dalam menghadapi cabaran globalisasi.

Mereka berada di sini untuk menghadiri Mesyuarat IAP selama tiga hari di Cyberjaya yang berakhir hari ini. Ini adalah mesyuarat keempat sejak penubuhannya pada 1997.

Heikonen, ketika ditemui pemberita selepas perjumpaan itu, berkata Nokia yang memulakan operasinya di Malaysia pada 1984, komited di dalam menjalin kerjasama yang erat dengan syarikat-syarikat Malaysia.

Beliau berkata sehingga kini, gergasi telekomunikasi dari Finland itu telah menjalin kerjasama dengan 15 syarikat perisian Malaysia dan jumlah itu dijangka meningkat kepada 50 pada tahun depan.

"Lima belas syarikat Malaysia itu mempunyai akses secara langsung kepada pangkalan data dan teknologi Nokia," katanya.

Pengarah Urusan Nokia (M) Sdn Bhd Hannu Karavirta yang mengiringi Heikonen berkata operasi syarikat itu di Malaysia akan dipindahkan ke MSC.

Fasa pertama pemindahan itu akan dimulakan pada Disember ini dan dijangka keseluruhan operasi akan dilakukan dari Cyberjaya pada Januari tahun depan.

Sementara itu, Ketua Penyelidik dan Pengarah, Sun Microsystems John Gage memuji kejayaan MSC.

Beliau berkata pusat pintar itu mampu menyiapkan kerja yang memerlukan masa lima tahun dalam tempoh hanya satu tahun.

-- BERNAMA

MHI ES AKD